



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980

LANAMAN WEB : WWW.PIKM.MY

## “SEGERA / PENTING”

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(21)

27 APRIL 2020

### SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### SURAT EDARAN PIKM KE - 21/2020: ISU-ISU BERBANGKIT DARI ARAHAN DAN PENGUATKUASAAN PIHAK BERKUASA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN MAKLUMAT MUKTAHIR

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Persatuan mengambil maklum isu-isu yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli samada melalui emel atau panggilan telefon berikutan arahan dan penguatkuasaan berikut yang dilakukan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang antaranya menyebabkan kekusaran dan kekeliruan berkaitan perkara-perkara berikut:

- 2.1 Arahan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- 2.2 Pemeriksaan di Sekatan Jalan Raya (SJR)

3. Oleh itu, Persatuan mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan dan menyampaikan maklumat tepat seperti di bawah mengikut urutan perkara di atas untuk makluman semua ahli:

- 3.1 Berhubung arahan MITI menghendaki industri yang beroperasi dalam tempoh PKP mendaftar dengan MITI dan menjalani saringan Covid-19, dimaklumkan bahawa Persatuan telah mendapatkan pengesahan dari Bahagian Keselamatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bahawa industri perkhidmatan kawalan keselamatan (Keselamatan Swasta) adalah **essential service** di bawah KDN dan telah mendapat pengecualian sejak PKP Fasa Pertama.

- 3.2. Berkaitan kesulitan di SJR, Persatuan telah menerima berbagai aduan. Antaranya:

**Presiden**  
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

**Timbalan Presiden**  
KAPTEN HJ NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

**Naib Presiden**  
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBADILLAH B. IMAN

**Setiausaha Kehormat**  
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Bendahari Kehormat**  
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

**Penolong Bendahari**  
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM (B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

**Juruaudit Dalam**  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur**  
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

**Pengerusi Zon Selangor**  
SHANKER RAJ AYANGER

**Pengerusi Zon Selatan**  
DATUK MHD. FAHR B. MOHD NOAH

**Pengerusi Zon Perak**  
ZAITON BT MOHD NUSI

**Pengerusi Zon Kedah & Perlis**  
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

**Pengerusi Zon Kelantan**  
AFENDI BIN MUKHTAR

**Pengerusi Zon Pahang**  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Zon Pulau Pinang**  
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

**Pengerusi Zon Melaka**  
DATO' GAN PENG LAM

**Pengerusi Zon Negeri Sembilan**  
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

**Pengerusi Zon Sabah**  
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

**Pengerusi Zon Sarawak**  
SHAHARUDDIN B. SAMSU

**Sekretariat**  
**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

- a. Pihak polis tidak menerima atau memperakui surat KDN,
- b. Pihak polis tidak membenarkan pengawal keselamatan (PK) beruniform menaiki kenderaan syarikat lebih dari seorang,
- c. Surat pelepasan yang dikeluarkan oleh syarikat perlu diperakui oleh pihak polis,
- d. Pihak polis tidak menerima surat pelepasan yang tidak menunjukkan tarikh PKP dan tiada pengesahan polis,
- e. Pihak polis tidak membenarkan pergerakan lebih dari 10KM radius,
- f. Pihak polis tidak membenarkan pergerakan yang merentas dua daerah

Sebagai penjelasan, PKP bermula pada 18 Mac 2020. Sehari sebelum itu Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (KSU KDN) telah mengeluarkan surat berkaitan Status Perkhidmatan Industri Kawalan Keselamatan Swasta di Malaysia Susulan Wabak Covid-19 bertarikh 17 Mac 2020 kepada PIKM untuk memaklumkan bahawa Industri Perkhidmatan Kawalan Keselamatan **terkecuali dari PKP**. Persatuan telah mengedarkan surat pengecualian tersebut di samping memberi panduan mengenai dokumen-dokumen yang perlu dibawa bersama oleh setiap pegawai keselamatan beruniform lengkap bagi tujuan pergerakan ke tempat bertugas dan balik. Panduan berkenaan berpandukan nasihat Bahagian Keselamatan KDN.

Lanjutan di atas, KSU KDN telah mengeluarkan surat pengecualian yang kedua bertarikh 27 Mac 2020 apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan perlanjutan tempoh PKP bagi Fasa Kedua dari 1 April 2020 sehingga 14 April 2020. Surat berkenaan telah diedarkan oleh Persatuan pada 30 Mac 2020.

Seterusnya PKP dilanjutkan lagi bagi kali ketiga pada 15 April 2020 hingga 28 April 2020 ekoran pengumuman YAB Perdana Menteri pada 10 April 2020 dan KDN memutuskan surat bertarikh 27 Mac 2020 **masih terpakai sehingga PKP tamat sepenuhnya**.

Atas isu-isu bersangkutan pemeriksaan di SJR. Persatuan telah mengemukakan kepada Bahagian Keselamatan KDN dari masa ke semasa, untuk dibawa ke Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengecualian Pengoperasian Industri yang turut dihadiri wakil dari Polis Diraja Malaysia (PDRM). Segala panduan yang diedarkan kepada (semua ahli) adalah berdasarkan persetujuan dan keputusan Mesyuarat berkenaan. Bagaimanapun, penjelasan yang Persatuan perolehi apabila timbulnya isu-isu di SJR adalah "pemahaman" pegawai di


lapangan berbeza-beza. Namun Persatuan turut dimaklumkan pihak PDRM berusaha memperkemaskan prosedur pemeriksaan. Dalam hubungan ini, Persatuan berpendapat sesuai juga jika ahli-ahli mengambil peluang untuk bertemu dengan pihak polis di daerah masing-masing bagi usaha mewujudkan hubungan rapat dan kesedaran bagi kepentingan bersama.

4. Maklumat tambahan - berhubung inisiatif **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** seperti sedia maklum, bermula 23 April 2020 KWSP menyediakan Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana. Bagi syarikat ahli yang memenuhi syarat boleh memohon penangguhan dan penstrukturan Bayaran Caruman Syer Majikan untuk caruman bulan April, Mei & Jun 2020 (Upah bulan Mac, April & Mei 2020). Sila rujuk pautan <https://www.kwsp.gov.my/ms/ecap-faq>.

5. Sebagai mengakhiri surat edaran ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Salam Ramadhan kepada YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF**  
**PRESIDEN**